



Headline: Scammer buru mangsa hari cuti
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 18 December 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 16

Scammer buru mangsa hari cuti

Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA mendedahkan kebanyakan mangsa datang mengadu kepada organisasi berkenaan bukanlah berhasrat mendapatkan kembali wang mereka, namun lebih kepada memberi peringatan kepada masyarakat.

Pengerusi Bironya, Datuk Seri Michael Chong berkata, sepanjang tahun ini, beliau menerima aduan sebanyak lapan kes membabitkan peniaga online yang tertipu dengan pelanggan masing-masing sehingga kerugian mencecah lebih RM170,000.

Menurutnya, dalam kebanyakan kes, faktor utama penyumbang kepada kejayaan

Scammer ini juga 'pandai' sebab mereka akan memperdaya mangsa pada hari cuti umum mahupun cuti hujung minggu, bagi memastikan mangsa tidak dapat mengambil langkah segera di institusi perbankan masing-masing disebabkan hari cuti.
- Michael Chong



scammer ini menipu mangsa ialah sikap tamak mangsa sendiri serta terpengaruh dengan tawaran menarik dari scammer.

"Scammer ini juga 'pandai' sebab mereka akan memperdaya mangsa pada hari cuti umum mahupun cuti hujung minggu.

"Langkah ini bagi memastikan mangsa tidak dapat mengambil langkah segera di institusi perbankan masing-masing disebabkan hari cuti," katanya kepada Sinar Siasat.

Michael berkata, mangsa yang datang ke organisasi berkenaan merupakan mangsa yang "berhati

baik" dan ingin berkongsi cerita mengenai taktik licik scammer bagi mengelakkan orang awam lain tertipu.

"Mangsa ni tak mahu orang lain jadi mangsa lagi, jadi dia datang ke sini (Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA) dan berkongsi cerita dengan kita untuk dihebahkan kepada orang awam.

"Kita juga berharap agar usaha kita ini akan dapat meningkatkan kesedaran orang awam untuk tidak menjadi mangsa scammer dan terpaksa menanggung kerugian wang masing-masing," katanya.



Laporan Sinar Harian semalam.

CONTOH KES DITIPU SCAMMER

● 3 Disember lalu peniaga nasi ayam berusia 26 tahun di Kuantan, Pahang rugi RM14,296.

MODUS OPERANDI: Mangsa dihubungi seorang lelaki bertanyakan tentang pemilikan kad kredit dengan nombor yang dinyatakan, namun dinafikan omangsa. Mangsa memaklumkan mempunyai kad kredit tetapi bukan seperti nombor yang dinyatakan menyebabkan talian telefon berkenaan telah disambung ke 'Bank Negara' dengan alasan ingin menyelesaikan masalah itu sebelum talian dipindahkan kepada seorang 'pegawai polis'. 'Pegawai polis' berkenaan telah meminta mangsa menukar 'barcodes' kad ATMnya dan tanpa disedari duit di dalam akaunnya telah dipindahkan secara berperingkat ke dalam akaun seorang lelaki sehingga mangsa rugi RM14,296.

● 5 Oktober lalu seorang gadis berusia 24 tahun menawarkan pembelian koleksi syiling lama di Instagram di Kuala Terengganu rugi lebih RM4,000.

MODUS OPERANDI: Kejadian bermula selepas gadis berusia 24 tahun itu melihat iklan pembelian koleksi syiling lama di Instagram. Mangsa kemudiannya hubungi wakil agensi itu menerusi WhatsApp dan hasil perbincangan, mereka capai persetujuan pada harga mencecah hampir RM400,000 bagi 17 keping. Teruja dengan tawaran lumayan itu, mangsa tanpa berfikir panjang terus bersetuju selepas diminta membuat pembayaran untuk proses 'Incoming Fee' berjumlah RM650 ke dalam akaun bank diberikan. Keesokan harinya, mangsa diminta memasukkan sejumlah wang untuk proses 'Demorage Fee' dan proses 'International Charge'. Mangsa hanya patuh pada arahan diberikan dan rasa tertipu apabila 'pembeli' itu masih memberi arahan memasukkan sejumlah wang dengan pelbagai alasan.

● 26 September seorang peniaga baju kurung dalam talian di Kuantan, Pahang, kerugian RM28,980.

MODUS OPERANDI: Mangsa memberi nombor akaun kepada 'pembeli' untuk melakukan urusan pembayaran. Selepas membuat pembayaran, mangsa diminta untuk membuat pelbagai bayaran bagi mendapatkan wang sebanyak RM120 kerana pembeli (suspek) berada di luar negara. Mangsa membuat pembayaran sehingga RM28,980 ke dalam akaun yang diberikan 'pembeli'. Mangsa akhirnya sedar ditipu.

● 1 September lalu, seorang peniaga atas talian yang juga pelajar sebuah universiti awam berusia 24 tahun di Kuala Terengganu terpaksa menanggung kerugian lebih RM1,000.

MODUS OPERANDI: Mangsa dihubungi seorang pelanggan yang berminat membeli baju terpakai dijual dengan harga RM28. Pembeli memaklumkan sudah memasukkan RM500 ke dalam akaun diberi,

bagaimanapun mangsa mendapati duit dimaksudkan masih tidak diterima. Mangsa diberitahu pembeli itu sekiranya ingin mendapatkan wang tersebut, dia perlu memasukkan wang ke dalam akaunnya berjumlah hampir RM1,500. Disebabkan tiada pengalaman berniaga di atas talian, mangsa akur dengan arahan diberikan sebelum sekali lagi diarahkan memasukkan RM2,000 dengan alasan wang itu masih tidak mencukupi. Mangsa akhirnya membuat laporan polis.

● 22 Jun lalu seorang peniaga di Lipis, Pahang, kerugian RM47,997.

MODUS OPERANDI: Mangsa menerima panggilan daripada seorang suspek yang memperkenalkan diri sebagai Mr Eric Chew dari OCBC Bank Kuala Lumpur. Suspek memaklumkan mangsa mempunyai hutang tunggakan pembayaran bulanan kad OCBC sebanyak RM4,127. Mangsa menafikan dia mempunyai sebarang akaun dengan OCBC Bank. Suspek meminta mangsa hubungi pihak Bank Negara dan memberikan nombor telefon 1800-818-547 untuk membuat laporan. Mangsa kemudian hubungi nombor itu dan memberikan butiran diri berserta nombor telefon kepada operator. Selang 20 minit kemudian mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Tuan Chan iaitu pegawai Bank Negara. Suspek memberitahu bahawa mahu mengemas kini akaun milik mangsa dan perlu mengikut segala arahan yang ditetapkan. Suspek kemudian mengarahkan mangsa membuat pemindahan kesemua wangnya ke dalam dua akaun CIMB bank yang diberikan. Mangsa membuat lima kali transaksi pemindahan wang secara berperingkat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM47,997. Mangsa menyedari dirinya sudah ditipu setelah menerima maklum balas surat yang dihantar kepada Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyatakan bahawa tiada rekod yang dilakukan oleh BNM pada hari kejadian.

● 6 Mei lalu seorang remaja berusia 19 tahun yang merupakan peniaga produk kecantikan online di Kuala Terengganu rugi hampir RM3,000.

MODUS OPERANDI: Mangsa menerima satu pesanan WhatsApp daripada seorang lelaki memperkenalkan diri dari luar negara dan berminat hendak beli duit lama dengan harga RM20,000. Lelaki berkenaan meminta nombor akaun bank milik mangsa dan berjanji akan memasukkan wang tersebut dalam kadar segera. Lelaki berkenaan kemudiannya menghantar satu 'screenshot' bukti dia cuba memindahkan wang ke dalam akaun mangsa tetapi gagal. Mangsa yang percaya dengan alasan itu hanya mengikut arahan diberikan sebelum bertindak memasukkan wang ke dalam akaun bank diberikan suspek. Lelaki itu menyatakan jumlah masih tidak mencukupi sehinggalah mangsa sedar sesuatu tidak kena dengan urusan itu.